

<http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/303729/sultan-selangor-rasmi-bangunan-baharu-pam>

BERITA » Nasional  
Rabu, 19 Julai 2017 | 5:14pm



SULTAN Selangor, Sultan Sharafudin Idris Shah berkenan menerima cenderamata berupa model bangunan daripada Presiden PAM, Ar Ezumi Harzani Ismail sempena Majlis Pelancaran bangunan baru Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) di Jln Tandok. - Foto Yazit Razali

## Sultan Selangor rasmi bangunan baharu PAM



Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

[Share](#) [Tweet](#) [G+](#) [Share](#)

KUALA LUMPUR: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan bangunan baharu yang menjadi pusat Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) di Jalan Tandok, Bangsar di sini, hari ini.

Pada majlis itu, baginda turut melancarkan buku dokumentari merakamkan sejarah perjalanan PAM sehingga berdirinya pusat PAM yang baharu bertajuk 'In the eye of the Storm'.

Presiden PAM, Ezumi Harzani, berkata bangunan baharu setinggi enam tingkat dengan berkeluasan 3,782 meter persegi itu disasarkan menjadi antara bangunan paling mesra alam di bandar raya ini.

"Ia memiliki lima ciri penting iaitu mampan, lestari, praktikal, berinovasi dan berdaya ekonomi.

"Bangunan ini bukan sahaja dibina berasaskan aspirasi PAM untuk menjadi pusat reka bentuk termaju dan moden, tetapi juga mengutamakan alam sekitar, budaya dan masyarakat," katanya pada majlis pelancaran itu, hari ini.

Sultan Sharafuddin Idris Shah turut dibawa meninjau keadaan dan struktur pusat PAM yang direka hasil sentuhan Mohd Heikal Hasan dari HMA & Associates.